

Parit tak diselenggara punca bah

Penduduk Klang, Shah Alam mahu PBT tangani segera banjir kilat

Oleh Hamid Karim
bhnews@bharian.com.my

KLANG: Sampah dibuang merata-rata oleh pihak tidak bertanggungjawab dan kurangnya penyelenggaraan terhadap sistem perparitan, didakwa penduduk antara punca utama banjir kilat sering melanda sekitar bandar ini dan bandar raya Shah Alam.

Mangsa banjir di Sri Andalas, M Muniandy, 58, mendakwa sistem perparitan yang buruk akibat tidak diselenggara bukan perkara luar biasa di sekitar bandar ini terutama di kawasan rendah dan berdekatan tapak projek perumahan serta kawasan industri baru.

Katanya, longkang semula jadi yang tidak berkonkrit sering mencekaskan masalah berbanding longkang konkrit kerana kebanyakan sistem perparitan untuk aliran air itu terbiar ditumbuhi semak-samun sehingga menyebabkan air tidak mengalir lancar terutama ketika hujan.

"Kita boleh tengok sistem perparitan di Klang dan Shah Alam yang kebanyakannya dipenuhi rumput. Ada yang menunggu masa terhakis dan runtuh, malah ada yang ditumbuhi rumput tinggi sehingga menutup keseluruhan longkang dan bila hujan lebat, air sentiasa tersangkut. Masalah ini dirumitkan lagi jika ada pihak membuang sampah sesuka hati dalam sistem perparitan itu," katanya.

Penduduk Kampung Delek, Siti Aminah Abdullah, 48, pula berharap sistem penyelenggaraan longkang di sekitar kawasan perumahan dipantau setiap minggu kerana tidak mahu pengalaman buruk dilanda banjir kilat sehingga menyulitkan penduduk terus berulang.

Katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) sepatutnya lebih peka terhadap kerugian dihadapi mangsa banjir kerana sejak kebelakangan ini, bencana itu sering melanda beberapa kawasan, terutama di kawasan rendah.



PARIT tidak kelihatan kerana ditutupi rumput di Kampung Baru Dua, Batu 7 Klang dan boleh menyebabkan banjir kerana aliran air tersekat.



Kita boleh tengok sistem perparitan di Klang dan Shah Alam yang kebanyakannya dipenuhi rumput. Ada yang menunggu masa terhakis dan runtuh, malah ada yang ditumbuhi rumput tinggi **99**

M Muniandy
Mangsa banjir

● HAMID KARIM | BERITA HARIAN

kediaman masing-masing yang dinaiki air setinggi lutut dan rumah kotor selepas dilanda banjir kilat.

Pesara, M Dawson, 64, berkata kejadian banjir kilat di kawasan perumahan itu pertama kali berlaku sejak 40 tahun kawasan itu dibuka.

Katanya, jika Majlis Perbandaran Klang (MPK) meneruskan kerja pembersihan longkang seperti dilakukan syarikat kontraktor Alam Flora Sdn Bhd, masalah banjir kilat itu dapat dielakkan.

"Kawasan ini didiami pesara dan warga tua dan kebanyakan mereka tergesa-gesa meninggalkan kereta dan rumah ketika paras air meningkat kerana tidak dapat berbuat apa-apa. Bagaimana jika ada yang tergelincir dan terjatuh ketika detik cemas menyelamatkan diri itu," katanya.

Jirannya, S Pushpa, 48, berkata penduduk di Lebuhraya Jelutong terpaksa membersihkan sendiri longkang di luar kawasan rumah tanpa mendapat bantuan PBT walaupun penduduk membayar cukai pintu dan cukai taksiran setiap tahun.

"Keluarga saya, terutama ibu bapa kehilangan banyak perabot dan peralatan rumah antik yang mempunyai nilai sentimental," katanya.

"MPK dan Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) pula saling menyalahkan satu sama lain berhubung bencana ini. Mereka sepatutnya menaik taraf longkang di beberapa kawasan kediaman kerana sudah berusia antara 40 hingga 50 tahun, selain menjalankan penyelenggaraan bulanan," katanya.

Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Ampuan Rahimah (STAR) Klang, Rahmah Arsad pula berkata, sekolah itu teruk terjejas akibat banjir kilat selepas paras air mencecah satu meter.

"Kami kehilangan hampir semua peralatan termasuk sekurang-kurangnya 40 komputer di makmal komputer, perabot dan peralatan pejabat seperti mesin pencetak dan fotostat," katanya.

Penduduk di Padang Jawa, Shah Alam, Rosman Sanusi, 65, menyifatkan banjir mengakibatkan 17 kawasan terjejas termasuk Pandamaran, Selat Klang, Taman Sentosa dan Kampung Delek, amat buruk sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Kami bimbang ia berulang jika PBT memandang ringan masalah sistem perparitan dipenuhi sampah sarap akibat tidak diselenggara ini. Kerajaan negeri juga perlu lebih kreatif dan prihatin kerana banjir musibah yang tidak diinginkan rakyat," katanya.

Sementara itu, di Taman Selatan, masih ada penduduk membersihkan